

# KETUA 3 NEGERI: PEMUDA PUJI 2M

KUALA LUMPUR, Rabu — Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia hari ini menyampaikan penghargaan kepada pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam kerana melantik tiga tokohnya untuk mengetuai Kerajaan Negeri di Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Ketuanya, Datuk Haji Suhaimi Datuk Haji Kamaruddin menantikan perlantikan tersebut sebagai penerimaan pentadbiran 2M

Oleh BUSTAMAM AHMAD

terhadap konsep kepimpinan pelapis Pergerakan Pemuda UMNO.

Bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri, Encik Abdul Rahim Datuk Famy Chik dilantik menjadi Ketua Menteri Melaka, Encik Mohamad Isa Abdul Samad sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan dan Encik Abdul Ajib Ahmad sebagai Menteri Besar Johor.

Encik Abdul Rahim dan Encik Abdul Ajib

adalah ahli-ahli Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia manakala Encik Mohamad Isa pula Ketua Pemuda UMNO Negeri Sembilan.

Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan ingin menyampaikan penghargaan tinggi kepada pentadbiran 2M kerana memberi pandangan berat terhadap konsep kepimpinan pelapis Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

"Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan konsep kepimpinan pelapis Pemuda telah diterima oleh pentadbiran 2M," katanya ketika ditemui hari ini.

## Penghargaan

Datuk Haji Suhaimi menambah keputusan pilihanraya umum kali ini membuktikan bahawa rakyat memberi kepercayaan dan sokongan penuh kepada Kerajaan Barisan Nasional, yang dipimpin oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr. Mahathir atas kejayaan cemerlang BN dalam pilihanraya itu.

"Keputusan kali ini juga menunjukkan bahawa para pemilih baru khususnya mereka yang lahir selepas merdeka memberi sokongan bulat kepada Perdana Menteri untuk terus menadbirkan negara," jelasnya.

Ini, katanya, membuktikan generasi muda sama ada di bandar atau luar bandar memberi sokongan tidak berbelah-bagi kepada pimpinan 2M.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 2690  
No. Penerimaan ..... 436/185